

Transformasi Ketahanan Kecerdasan Emosi dalam Psikologi dan Tingkah Laku Belia

Siti Sarawati Johar^{1*}, Siti Aisyah Panatik², Raja Zirwatul Aida Raja Ibrahim³

¹Pensyarah Kanan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, 86400, MALAYSIA

²Profesor,
Universiti Teknologi Malaysia, Johor, 81300, MALAYSIA

³Profesor Madya,
Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, 21300, MALAYSIA

*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2021.01.02.007>
Received 29 Nov 2021; Accepted 3 Dis 2021; Available online 1 Dis 2021

Abstrak: Fungsi kompetensi kecerdasan emosi dalam usaha mencapai kesejahteraan psikologi dan tingkah laku manusia adalah sebagai proses kesepaduan diri. Perbincangan adalah dari segi cabaran dan ketahanan transformasi kecerdasan emosi dan kesan ke atas psikologi dan tingkah laku belia. Sumber modal insan dalam kalangan belia adalah teras utama pembangunan negara terutama dari aspek politik, ekonomi, sosial, dan pendidikan. Namun, peranan belia sebagai agen perubahan dalam masyarakat menjadi tidak signifikan jika transformasi diri dan sejagat hanya berlaku dari terang menjadi gelap, dari positif ke negatif dan dari kedamaian menjadi pergolakan. Unsur-unsur penting yang perlu ada sebagai belia yang berpengetahuan bukan hanya kecerdasan intelektual semata-mata, akan tetapi juga perlu adanya elemen-elemen kecerdasan emosi dan spiritual yang utuh dalam mencapai positifnya dalam beremosi, berfikir dan bertingkah laku. Kecerdasan emosi juga berupaya menjadi antara faktor penentu tingkah laku dan ideologi berpolitik secara lebih matang dan sejahtera dalam kalangan belia. Rumusan perbincangan mendapati keperluan untuk memiliki kecerdasan emosi sama pentingnya dengan kecerdasan intelektual untuk mencapai keseimbangan sebenar dalam kehidupan yang dinamik. Belia yang positif dapat berdiri sebagai warganegara yang padu jati diri, teguh berprinsip dan berani menghadapi dunia persaingan, serta menangani segala cabaran dengan bijak. Implikasinya, kecerdasan emosi yang utuh dalam kalangan belia dapat merealisasikan harapan negara dalam usaha mewujudkan modal insan berjiwa dan berminda kelas pertama, seiring dengan pembentukan negara yang stabil dan aman.

Kata Kunci: Transformasi; Ketahanan; Kecerdasan Emosi; Psikologi; Belia

1. Pengenalan

Peranan golongan belia signifikan dengan kemajuan negara yang progresif. Ia merangkumi sejarah realiti perjuangan belia dari arus pendidikan dalam usaha mencapai kemerdekaan negara sehingga ke zaman ini. Belia adalah kelompok barisan depan yang sangat diperlukan untuk menjadi pemimpin yang dapat memimpin negara menuju kedudukan yang lebih bermaruah sebagai kelangsungan tamadun yang gemilang (Mohd Fuad et al. 2012). Ia juga sangat berkait rapat dengan senario pengundi muda yang mempunyai persepsi tersendiri terhadap kepemimpinan nasional (Junaidi et al., 2012). Ini dapat dilihat melalui pelbagai gerakan belia melalui teknologi media, media cetak, media sosial, mahupun melalui demo terbuka. Malahan belia masa kini dikesan beralih ke pendekatan yang agak agresif dan radikal, sehingga meletakkan rakyat dalam persoalan sejauh manakah tahap keprihatinan rakyat apabila tiba dalam isu ini yang melibatkan politik nasional (Siti Sarawati, 2016). Golongan belia juga merupakan barisan hadapan golongan belia berpengetahuan di universiti awam yang memainkan peranan penting dalam menyumbangkan idea dan keringat untuk pembangunan negara serta berupaya menentukan struktur politik negara (Saha & Print, 2010).

2. Latar Belakang

Kekuatan kecerdasan emosi dikesan boleh menjadi faktor penentu gaya kepemimpinan politik dan belia yang lebih matang (Mohamad, 2012). Suatu mekanisme yang konsisten perlu diterapkan melalui model dan pendekatan yang relevan dalam kalangan belia di institusi pendidikan untuk membantu generasi belia negara beremosi stabil yang seiring dengan pemikiran politik yang rasional dan tingkah laku positif, selaras dengan keperluan negara yang mementingkan keharmonian serta kestabilan dalam semua aspek. Masyarakat akan gusar dan bimbang jika kedudukan politik dan ekonomi negara berada dalam keadaan yang tidak stabil, kerana itu turut menjadi tanda akan wujud lebih banyak masalah sosial sehingga boleh merencatkan pertumbuhan fizikal negara dan modal insaniah (Siti Sarawati, 2017). Teh Fui Khim (2001) dalam kajiannya menjelaskan bahawa terdapat peningkatan salah laku belia dalam dapatan statistik yang menunjukkan mereka kelihatan agak lemah dalam mengawal emosi dan lemah dalam memandu emosi ke arah yang lebih positif.

Bahkan di akhbar pada 9 Ogos 2013 (Siti Sarawati, 2016) juga membincangkan cara belia meluahkan pandangan mereka terhadap politik negara dengan cara berdemonstrasi, merusuh, atau menipu di laman sosial bukanlah suatu tindakan matang, sebaliknya menjadikan belia itu tidak bertanggungjawab ketika negara sangat memerlukan daya tahan golongan muda yang berteraskan adab kesopanan dan kesusilaan. Kewujudan dunia tanpa sempadan melalui media sosial masa kini semakin memacu gaya berpolitik golongan belia dengan tatacara memperluaskan pengaruh parti politik kesukaan masing-masing melalui media internet dan pelbagai media. Terdapat unsur-unsur kontroversial terhadap penggunaan internet melalui kebebasan media sosial yang tidak terkawal dan mempengaruhi tingkah laku politik belia menjadi lebih agresif dalam menyuarakan keinginan dan harapan mereka, di samping lebih berani untuk melanggar undang-undang hanya kerana kemarahan dan protes terhadap kepimpinan negara.

Kaedah politik kebencian dan modus operandi 'pembunuhan personaliti' secara maya terhadap kepimpinan negara bergerak dalam kalangan belia untuk menyebarkan paradigma negatif dalam kalangan rakyat sehingga menenggelamkan fakta dan realiti positif. Isu seorang belia bernama Adam Adli contohnya adalah antara yang telah mencipta dimensi tingkah laku berpolitik yang berteraskan sentimen dan persepsi negatif. Dengan status sebagai mahasiswa universiti, dia ditahan di bawah Seksyen 124 Akta Hasutan serta digantung pengajiannya, akibat terlalu berani menurunkan imej pemimpin negara dan menaikkan bendera Sang Saka Malaya dengan niat untuk menggantikan bendera rasmi Malaysia iaitu Jalur Gemilang (Siti Sarawati, 2016). Walaupun Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah lama wujud di Malaysia, akan tetapi masih ramai yang kabur mengenai pengisian dan makna sebenar akta ini. Kedapatan juga belia yang memprotes pemimpin negara dengan tindak tanduk berdemonstrasi di jalanan sehingga sedikit sebanyak telah mencemarkan imej negara di mata antarabangsa. Kesukaran belia untuk memahami dan menghayati setiap dasar dan perancangan pembangunan negara dengan lebih berhemah dan berilmu, menyebabkan emosi dan fikiran belia tidak terkawal. Ketika berhadapan dengan pergolakan politik negara, belia lebih mengadaptasi penyelesaian yang beremosi dan fikiran tidak berfokus, sehingga unsur negatif itu diterjemahkan ke dalam bentuk

tingkah laku menyimpang yang defensif, serta kerap menentang kebanyakan dasar domestik (Siti Sarawati, 2017). Oleh itu, belia seharusnya perlu lebih matang dalam berpolitik mahupun dalam membicarakan landskap politik negara. Kematangan politik seseorang dapat diterjemahkan melalui pandangan atau tindakan yang lebih rasional mengenai isu politik dan pentadbiran, atau isu negara, selain keterbukaan dalam menerima kritikan dari pihak lain dalam keadaan emosi yang stabil (Dzuhailmi, 2019).

Penuaan dunia adalah selari dengan kelahiran generasi sebagai suatu proses evolusi kehidupan manusia yang proaktif. Proses itu dihadapi dengan pelbagai elemen kemampuan manusia khas dari segi mental dan fizikal. Setelah sekian lama, otak manusia yang berkebolehan tinggi sangat dikagumi semua dan sering dijadikan idola dalam mencipta strategi kepelbagaian hasil untuk manfaat hidup sepanjang hayat, serta penciptaan teknologi yang dapat menggegarkan dunia. Keupayaan dalam daya berfikir yang cerdas membolehkan kemampuan lain dipinggirkan sehingga wujud ruang kosong dalam watak dan perwatakan manusia yang lebih mendalam iaitu jiwa dan perasaan. Ketidakteraturan antara domain emosi dan mental untuk menghasilkan tingkah laku yang dinamik menyebabkan kemajuan masa lalu memberikan seribu makna dan pengajaran agar situasi itu dapat dipulihkan dalam nafas baru untuk kebaikan generasi akan datang. Oleh itu, kecerdasan emosi pada masa kini mulai diberi perhatian khusus sebagai salah satu elemen insaniah terhadap fungsi dan peranannya bagi memperbaiki fakta dan senario penyelewengan, dalam usaha mewujudkan rakyat yang berjiwa dan berminda kelas pertama.

3. Konseptual Kecerdasan Emosi

Dalam terminologi psikologi, emosi telah lama dibincangkan dan dikaji dari pelbagai skop penyelidikan baik dari segi fungsi dan kepentingannya. Emosi dilihat sebagai salah satu cabang utama dalam bidang pendidikan manusia dan ia juga merupakan entiti yang lengkap sebagai manusia dengan kepelbagaian perasaan merangkumi jiwa yang sedih, gembira, lapang dan tenang. Apabila istilah kecerdasan emosi mula diperhalusi dalam tulisan, perbincangan ilmiah serta menilai keperluannya yang sama pentingnya dengan kecerdasan intelektual, membuatkan ramai menyedari untuk berjaya dalam kehidupan bukan hanya kerana kecerdasan intelek semata-mata, akan tetapi juga memerlukan kecerdasan emosi. Walaupun semua manusia dilahirkan mempunyai hati dan perasaan, tetapi tidak semua dapat mengawal dan memproses emosinya sesuai dengan acuan kemanusiaan (Siti Sarawati et al., 2020). Apabila emosi difokuskan sebagai elemen penting dalam domain pendidikan, maka lahirlah istilah kecerdasan emosi. Emosi ditunjukkan oleh setiap individu dalam bentuk tindakan dengan tujuan untuk memenuhi harga diri individu dan ia boleh dikatakan sebagai keadaan di mana perasaan tercermin dalam proses fisiologi dan psikologi individu (Mahmood Nazar, 1992). Peter Salovey (Harvard University) dan John Mayer (New Hampshire University) adalah antara ahli psikologi yang mula memperkenalkan kecerdasan emosi pada tahun 1990.

Kecerdasan emosi lebih dilihat sebagai satu set kekuatan mental yang membantu setiap orang mengenali dan memahami emosi sendiri dan orang lain. Kecerdasan emosi dapat membantu meningkatkan kemampuan setiap orang untuk mengawal perasaan. Menurut Kamus Dewan (2002), emosi adalah jiwa dengan perasaan mendalam (seperti kesedihan dan kemarahan). Sementara itu, menurut Oxford Advanced Learners Dictionary of Current English (2000), emosi adalah perasaan yang kuat, dan mengandungi pelbagai siri perasaan seperti cinta, kegembiraan, kebencian, ketakutan, iri hati, kegembiraan dan kesedihan. The Oxford Dictionary of Current English (1999) pula menggambarkan emosi sebagai perasaan mendalam terutama dari aspek mental dan naluri. Menurut Goleman (1995) mengatakan bahawa kecerdasan emosi adalah kemampuan seseorang untuk memahami perasaannya sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam hidup. Kecerdasan emosi juga dapat ditafsirkan sebagai sejenis kecerdasan sosial yang bertanggungjawab untuk mengawal pelbagai emosi, membezakan emosi dan menggunakan maklumat untuk mengawal pemikiran dan tindakan (Mayer & Salovey, 1993: 433).

Berdasarkan pendapat Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal dikategorikan kepada lima domain utama pengetahuan diri, mengurus emosi, memotivasi diri, empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan. Empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan dikategorikan dalam kecerdasan interpersonal manakala tiga yang lain adalah pengetahuan diri, mengurus emosi dan memotivasi diri dalam kategori intrapersonal.

4. Cabaran Transformasi Psikologi dan Tingkah Laku Belia

4.1 Impak Cabaran Individu dan Keluarga

Golongan belia yang kurang mendapat pendedahan dari pelbagai sisi sering melihat contoh yang ada di hadapan mata sebagai model terbaik. Sekiranya mereka lebih kerap melihat dan mendapat contoh-contoh negatif, mereka akan mudah terikut untuk melakukan perkara negatif, begitu juga sebaliknya. Kurangnya usaha untuk memperkuat elemen dalaman mereka membuatkan emosi mereka dilahirkan sebagai individu yang mempunyai mental yang tersekat, menerima perubahan dari sudut kesenangan semata-mata, tiada kemahiran komunikasi, kekurangan matlamat sendiri, tidak mengetahui potensi sebenar diri mereka dan kurang menyedari fungsi dan peranan sebagai warganegara yang baik. Nilai konsep sendiri yang tidak ditekankan sehingga bentuk kekurangan skema juga menyebabkan belia sering merasa agak terpencil, malu bersaing, rendah diri dan berfikir negatif. Ketidakeimbangan ini tidak mungkin membuat mereka mengalihkan perhatian pada bentuk dan cara hidup yang dapat membuatnya diterima dalam kelompok sebaya, walaupun itu adalah iklim negatif. Realiti berlaku sekarang apabila banyak belia terjebak dalam kegiatan devian seperti menghidu gam, perlumbaan haram, ketagihan dadah dan ganja, amalan seks bebas, alkoholisme, dan perjudian (Siti Sarawati, 2016).

Impak ini memeritkan kerana kita memerlukan belia yang berkualiti dan mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi sebagai pelapis pemimpin negara yang berdaulat. Kelekaan dan kelalaian akan membuatkan belia akan lemah jiwa dan hilang matlamat diri. Ironinya selama 446 tahun negara kita dijajah kuasa luar sehingga mengakibatkan pengisian selama beratus tahun itu tidak terhenti setakat itu tetapi kesannya adalah sehingga kini apabila di mana-mana sahaja kita melihat wujudnya pengaruh negatif, sehingga menenggelamkan jati diri rakyat di negara sendiri. Budaya hidup yang lebih bercorak hedonism berlaku di mana-mana, walhal di dalam penempatan felda sendiri yang kini telah mempunyai pusat hiburan seperti karaoke, pusat permainan snooker dan pusat permainan video. Kesannya minda dan jiwa belia berterusan dijajah, berterusan menjadi mangsa pada era globalisasi dan kapitalisme (Siti Sarawati, 2012). Keasyikan yang lebih pada bentuk hidup yang seperti itu seringkali meleakakan golongan belia sehingga mengabaikan fungsi dan peranan sebenar mereka sebagai khalifah di muka bumi yang perlu ada hubungan yang baik dengan Tuhan, hubungan baik dengan manusia lain dan juga alam sekitar. Ketidakstabilan pengisian dalam emosi dan jiwa juga memungkinkan berlakunya keretakan hubungan dan kasih sayang belia dengan keluarga (Siti Sarawati, 2011). Hubungan yang renggang dan kurang interaksi menimbulkan suasana yang agak dingin apatah pula jika ibu dan bapa bersifat agak autokratik. Rasa hormat dan menghormati yang kurang terbina dalam keluarga juga akan memberikan kesan yang tidak mesra sebagai suatu jalinan yang seharusnya utuh walau sampai bila-bila. Akibatnya keluarga akan dibelakangkan dan komunikasi yang wujud juga tiada nilai adab dan sopan.

4.2 Impak Cabaran Komuniti Sosial

Sesiapa sahaja telah atau mungkin pernah menderita berpunca daripada keadaan yang menekan diri secara emosi (Ma'rof, 2001). Golongan belia yang kosong jiwanya memungkinkan mereka wujud dalam kelompok masyarakat sebagai racun yang amat berbisa. Ketidakepekaan mereka untuk memahami diri, orang lain dan alam sekitar apatah lagi untuk merenung hakikat hidup ini membuatkan mereka berani membuat sesuatu yang bertentangan dengan tuntutan norma sosial. Oleh kerana itu, maka wujudlah pelbagai kes yang seolah-olah mencabar masyarakat untuk berfikir semula tentang kepentingan penerapan elemen kecerdasan emosi yang seharusnya bermula dari rumah, kemudian di sekolah sehinggalah ke pusat-pusat pengajian tinggi mahupun dalam komuniti masyarakat. Kes yang berlaku di Kg. Manir, Kuala Terengganu pada tahun 2009 lalu antaranya dapat memperlihatkan kepada kita bahawa belia telah ketandusan kecerdasan emosi untuk mengawal diri dan emosi mereka. Kes yang memperlihatkan beberapa orang belia terlibat dengan aktiviti merempit telah melanggar dua orang pegawai polis sehingga cedera parah dalam satu operasi membanteras lumba haram (Harian Metro: 10 Januari 2009).

Adakah itu lambang belia yang mempunyai minda serta jiwa kelas pertama ataupun belia kita hanya mampu menunjukkan nilai masyarakat yang berminda serta berjiwa kelas ketiga? Begitu juga keterlibatan belia dengan tindakan memijak-mijak serta membakar bendera Malaysia, sejauh manakah hal ini serius di mata dan di hati masyarakat kita ataupun mungkin ia hanya seperti tiupan angin yang berlalu begitu sahaja tanpa memberi apa-apa kesan mendalam. Bagaimana pula dengan kejadian belia yang menggunakan batu untuk membaling dan melukakan sesama bangsa dalam negara yang sama sebagai rakyat Malaysia yang sama, sedangkan batu untuk belia Palestin adalah untuk mempertahankan diri dari kekejaman zionis Israel. Ini telah menimbulkan keretakan dalam masyarakat dan krisis sosial yang melemahkan masyarakat itu sendiri. Kegagalan dalam proses memantapkan kecerdasan emosi agar mempunyai hati yang bersih, positif, empati dan memahami keadaan di sekeliling mengakibatkan belia menjadi seperti belia yang tiada wawasan bahkan seperti lalang di tiup angin, hilang kerasionalan dan gagal mengawal emosi serta mudah baran apabila diprovok.

Pastinya, bukan belia yang sebegini yang kita inginkan kerana perjuangan untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam negara yang melingkupi dari pelbagai aspek tidak akan pernah berakhir dan kedaulatan negara harus dijaga. Kekuatan itu adalah perlu dari sudut kekuatan ilmu, kekuatan emosi dan rohani, kekuatan ekonomi dan perpaduan sesama rakyat. Pastinya juga, kita tidak mahu belia kita menjadi belia yang mementingkan diri sendiri sehingga tidak dapat melihat pentingnya untuk menjadi warganegara berguna. Akibatnya tidak mustahil mereka akan mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu atas kepentingan sendiri melebihi kepentingan untuk agama, bangsa dan negara (Siti Sarawati, 2012). Disebabkan segala kepincangan itu, maka wujud pelbagai kes yang menampilkan hakikat hilangnya integriti dalam perlakuan sebahagian rakyat dengan terbukti wujudnya kes-kes seperti amalan rasuah, pecah amanah, penipuan, politik wang dan sikap suka caci mencaci sesama rakyat dalam negara.

5. Transformasi Ketahanan Kecerdasan Emosi

Falsafah pendidikan kebangsaan telah pun menggariskan harapan untuk melahirkan insan yang berkeupayaan berfungsi sebagai bangsa Malaysia yang mencapai paras keseimbangan dari segi emosi, jasmani, rohani, mental dan fizikal, sekaligus bersepadu dengan pelbagai elemen kemahiran insaniah dan seterusnya berupaya menjadi modal insan yang terbaik untuk agama, bangsa dan negara. Daripada falsafah ini telah jelas ditakrifkan kepada kita bahawa adalah menjadi suatu keperluan untuk memastikan belia di negara kita bukan sahaja perlu berjaya dari segi akademik dan penguasaan intelek, akan tetapi juga semestinya boleh mencapai tahap kecerdasan dari segi pengisian jiwa yang mampan, apatah lagi keperluan untuk hidup berlandaskan pegangan agama. Kecerdasan emosi secara tafsirannya telah jelas menunjukkan bahawa wujudnya elemen-elemen pembersihan jiwa raga yang bersifat positif dan nilai-nilai murni yang perlu diaplikasikan dalam kehidupan dari satu generasi ke satu generasi sehinggakan ia menjadi suatu budaya yang mendasari corak kehidupan (Siti Sarawati, 2011). Seiring itu, usaha untuk memantapkan kecerdasan emosi dalam kalangan belia tidak seharusnya dipandang remeh kerana belia juga sama-sama berperanan sebagai warga bangsa yang berbakti untuk negara, khususnya tingkah laku mereka dalam berpolitik. Fungsi dan peranan mereka apabila keluar ke tengah masyarakat juga sama pentingnya dengan peranan komuniti masyarakat secara am. Emosi dan minda yang cerdas membawa kepada tingkah laku yang positif sambil didukung kuat oleh ideologi yang selari dengan norma universal.

5.1 Ketahanan Kecerdasan Emosi Keupayaan Mengurus Emosi Diri

Dalam sesebuah keluarga, adalah amat perlu ibu dan bapa memainkan peranan penting dalam membantu membina kecerdasan emosi yang tinggi dalam diri anak-anak. Gaya dan sikap ibu bapa yang bersederhana, tegas apabila perlu untuk tegas dan berlembut apabila perlu untuk berlembut akan berupaya membantu membentuk daya kecerdasan emosi yang stabil pada anak-anak. Ibu bapa juga seharusnya menjadi penggerak utama yang boleh memahami perasaan dan emosi anak-anak kerana di sini anak mereka juga akan belajar bagaimana untuk lebih memahami emosi sendiri sekaligus

berkeupayaan untuk mengurus emosi secara lebih harmonis (Siti Sarawati, 2012). Hasilnya, anak-anak akan tahu bagaimana untuk mengendalikan perasaan marah, kurang sabar, agresif dan kecewa agar emosi itu lebih terkawal dengan kaedah lebih positif serta tidak sampai menyusahkan diri sendiri mahupun orang lain. Pengendalian emosi yang betul akan mewujudkan individu yang boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih baik dengan orang lain. Emosi yang positif adalah datangnya dari pemikiran yang positif dan emosi boleh dikawal daripada menjadi lebih emosional apabila minda dapat berfikir secara lebih rasional. Perkaitan itu perlu difahami sebagai usaha memantapkan nilai kecerdasan emosi dalam diri setiap individu.

Sebagai orang yang beragama, agak jelas keupayaan mengawal emosi membawa maksud wujudnya nilai-nilai murni sabar dan bertenang. Nilai-nilai itu yang seharusnya terpupuk dari kecil dan akan membolehkan belia terbiasa dengan amalan bertenang dan tabah dalam menghadapi apa juga cabaran yang melanda. Ini similar dengan kepentingan fungsi ibu bapa untuk menekankan ilmu tauhid dan agama kepada anak-anak sejak kecil agar jiwa anak terisi dan terdidik dengan amalan mulia, ibadah dan akhlak yang dituntut oleh agama sebagai bekalan sepanjang hayat. Kesempurnaan didikan dan aplikasi akhlak mulia itu menjadi suatu adunan yang indah untuk dihayati secara bersama dalam sesebuah keluarga. Begitu juga contoh dan bimbingan daripada pensyarah di universiti. Pensyarah seharusnya dapat menerapkan nilai dan model yang terbaik untuk pelajar hayati, kagumi dan contohi. Model itu tidak terhenti di situ, namun perlu dimantapkan dengan contoh-contoh peribadi yang baik dalam kalangan ahli-ahli masyarakat mahupun ahli-ahli politik negara bagi membina peribadi belia yang sejajar dengan keperluan bermasyarakat dan bernegara.

5.2 Ketahanan Kecerdasan Emosi Motivasi Diri

Semua manusia perlu mempunyai motivasi sama ada motivasi itu diperolehi dari rangsangan luar mahupun wujud dari dalam diri. Secara konsepnya, motivasi diri merupakan satu sistem saluran perasaan ke arah satu matlamat, mengawal emosi sendiri, melewati ganjaran dan menyekat dorongan. Belia harus bijak untuk memotivasikan emosi yang bersifat negatif dengan cara berfikir dan merancang untuk menyelesaikan masalah, sekaligus berupaya menjadi medium ke arah perubahan emosi yang lebih positif. Momentum dari dalam diri pasti akan menguatkan emosi untuk jadi lebih bersemangat dan bermotivasi dalam menghadapi apa juga situasi sehingga mampu untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih berhemah apabila berdepan dengan apa juga masalah. Dengan pengukuhan nilai motivasi diri ini, belia akan lebih jelas dengan hala tuju dan matlamat hidup. Visi dan misi dalam perjuangan mencapai kejayaan akan sentiasa dijadikan landasan berasaskan semangat diri yang tidak jemu untuk terus berusaha. Insan yang bermotivasi adalah simbol pada insan yang gigih berjuang ke arah pencapaian matlamat dengan tidak membelakangkan soal etika diri dan nilai-nilai murni sejagat. Aura dan semangat itu juga mampu untuk membuatkan individu lain turut bersemangat dalam hidup (Siti Sarawati, 2012).

Dalam Islam sendiri menegaskan bahawa kita perlu gigih bekerja dan berusaha seolah-olah kita akan hidup lama, dalam masa yang sama kita juga perlu rajin beribadah kepada Tuhan seolah-olah kita akan mati esok hari. Ungkapan ini juga sudah cukup menjadi motivasi pada setiap orang jika sekiranya mereka dapat memahami, menghayati dan merenung makna di sebaliknya. Bagi ibu bapa dan pendidik, tidak rugi untuk sentiasa memberikan kekuatan luaran dan motivasi kepada anak-anak dan pelajar. Tiap bait kata mempunyai makna yang tersendiri dan anak-anak mahupun belia dapat merasakan kekuatan itu sehingga membolehkan mereka belajar berdikari untuk mencapai matlamat hidup. Seandainya anak-anak atau belia berjaya menyelesaikan sesuatu dan memberikan hasil yang baik, maka tidak salah untuk ibu bapa atau pendidik memberikan ganjaran dan pujian sebagai tanda menghargai usaha mereka, sekaligus menjadi motivasi untuk mereka terus berusaha. Penghargaan yang diberikan dalam pelbagai bentuk walau sekecil-kecilnya adalah sangat bermakna sehingga mereka yakin bahawa dengan bertingkah laku positif akan terus membolehkan mereka diterima dan dihargai.

5.3 Ketahanan Kecerdasan Emosi Empati

Kecerdasan emosi melalui empati adalah lebih kepada konstruk interpersonal iaitu perhubungan dan interaksi dengan orang lain. Empati merupakan suatu perasaan dan kemampuan untuk menyelami dan memahami perasaan mahupun emosi orang lain dengan mendalam (Goleman, 1998). Kekuatan berempati membolehkan individu lain selesa untuk terus berinteraksi kerana adanya elemen percaya dan yakin. Seawal penerapan nilai ini di rumah, ibu bapa seharusnya terlebih dahulu perlu menunjukkan rasa empati dalam diri kepada anak-anak. Rasa mengambil berat, bertimbang rasa dan memahami perasaan anak-anak membuatkan anak-anak akan berasa lebih selamat dan yakin dengan peranan ibu bapa dalam keluarga (Siti Sarawati, 2012).

Apabila mereka membesar dalam keadaan emosi yang stabil, jiwa yang tenang dan penuh kasih sayang bersama perhatian, maka nilai sebegitu jugalah yang terdidik dalam diri untuk mereka aplikasikan dalam hidup yang mendatang bagi kesinambungan kehidupan yang dominan konsisten dalam kesejahteraan. Manakala apabila di pusat pengajian pula, pendidik juga sangat berkeperluan untuk melayan pelajar dengan adanya sentimen kemanusiaan serta kemahiran mendengar yang jitu apabila pelajar meluahkan rasa. Nilai empati yang belia perolehi membolehkan penerapan nilai ini menjadi lebih sehati dan berakar umbi dalam diri mereka apabila mereka berada dalam kelompok masyarakat.

5.4 Ketahanan Kecerdasan Emosi Kemahiran Sosial

Hubungan sesama manusia perlu terbentuk dalam suasana yang harmonis dan hal ini dapat ditinjau melalui kemahiran bersosial. Agama secara azali telah menetapkan keperluan untuk menjaga hubungan sesama manusia dan kaedahnya adalah melalui ciri-ciri akhlak mulia seperti hormat-menghormati dan beradab mulia. Kekuatan dalam kemahiran sosial boleh berlaku apabila belia dapat memahami individu lain dengan keupayaan menterjemah perasaan seseorang sebagai suatu tanda bahawa ia difahami dan diterima dalam interaksi mahupun komunikasi. Setiap ekspresi wajah mahupun bahasa badan seharusnya mudah difahami agar berlakunya interaksi yang lebih bermakna. Bermula dari institusi rumah, ibu bapa seharusnya berupaya memaparkan gaya interaksi yang terbaik sesama ahli keluarga kerana anak-anak akan melihat dan menilai. Anak-anak adalah pemerhati yang aktif, akan tetapi penilai yang pasif. Individu yang mampu berkomunikasi dengan baik serta boleh menghormati orang lain pasti mampu mewujudkan iklim yang selesa walau ke mana pun ia pergi (Siti Sarawati, 2012). Interaksi yang terjalin dengan penuh permuafakatan, tiada unsur-unsur prejudis mahupun penyakit-penyakit hati seperti berhasad dengki, adu domba, sombong dan bongkak akan pasti berupaya melahirkan masyarakat dinamis dan berkualiti pada erti kata yang sebenarnya. Senario yang harmonis itu berupaya membentuk budaya yang lebih global dalam sesebuah negara kerana ketinggian nilai, adab dan etika menjadi panduan untuk bersosialisasi.

6. Signifikan Sumbangan Domain Kecerdasan Emosi

Sumbangan dari segi kepentingan berjiwa, berminda, dan bertingkah positif, melalui ketahanan domain kecerdasan emosi adalah untuk membantu usaha negara dalam mewujudkan lapisan pemimpin masa depan yang lebih rasional dan profesional dalam kalangan belia. Ia menjadi keutamaan dengan kesediaan warganegara menangani isu-isu penting yang lebih rumit, terutama yang melibatkan masalah keselamatan, kesihatan dan keharmonian. Mentafsir perjalanan politik negara dengan lebih intensif dan komprehensif dapat membantu mengukuhkan jentera pentadbiran negara untuk mengelakkan berlakunya persaingan dalaman mahupun perebutan kuasa yang boleh mengganggu-gugat proses kemajuan pembangunan negara, masyarakat dan ekonomi. Implikasi yang signifikan daripada perbincangan ini menunjukkan bahawa golongan belia seharusnya bukan sahaja perlu mempunyai tahap intelek dan pengetahuan yang tinggi semata-mata, akan tetapi juga harus beremosi stabil, berminda rasional dan bertingkah laku profesional sebagai sumbangan sebagai rakyat yang bermanfaat kepada diri, keluarga, agama, bangsa dan negara. Malahan belia juga perlu bijak menyeimbangkan antara

persoalan dan isu-isu sensitif di negara ini, demi mengelakkan kemudaratan yang berpanjangan. Tanggungjawab mengharmonikan negara terletak di tangan golongan belia kerana perlu lebih berprinsip dengan jati diri, pegangan nilai, serta perlu lebih adil dan berhemah untuk tidak mudah menerima sesuatu berita tanpa tapisan. Malahan golongan belia juga perlu sentiasa peka untuk membantu mengelakkan masyarakat dan negara daripada terdedah dengan propaganda yang menjadi duri dalam daging mahupun seperti api dalam sekam yang bila-bila masa sahaja akan merosakkan keamanan dan kestabilan negara. Melalui kecerdasan emosi, belia turut berupaya lebih matang dalam bertindak termasuklah dalam berpolitik. Kematangan berpolitik belia adalah antara penanda aras keperluan untuk mencapai keharmonian dan perpaduan dalam negara (Nor Azlina et. al, 2020). Keupayaan untuk bertingkah laku kekal dominan positif perlu diberikan perhatian bagi menjamin kestabilan negara yang bertunjangkan prinsip-prinsip rukun negara dan perpaduan.

7. Rumusan

Perbincangan ini cuba meneroka sejauh mana kecerdasan emosi dalam kalangan belia dapat membantu membentuk tingkah laku positif dan minda matang demi keharmonian dan keamanan negara. Realiti ini mengetengahkan perlunya golongan belia untuk beremosi secara stabil, berfikir secara rasional dan bertingkah laku secara positif. Entiti lebih bersepadu itu sangat diharapkan agar belia berupaya untuk menghargai dan menilai realiti kejayaan negara dalam mengemudikan pembangunan secara fizikal dan kemanusiaan. Penguasaan maklumat yang tepat turut dapat mengetengahkan fungsi kecerdasan emosi yang positif agar tingkah laku menjadi lebih dominan ke arah perdamaian, sekaligus tidak akan mencetuskan polemik dan propaganda yang boleh meruntuhkan nilai-nilai murni masyarakat dalam usaha mencapai keamanan sejagat, walaupun arus ideologi dan budaya yang mempunyai pelbagai aliran.

Kesimpulannya, tanggungjawab menjadikan belia sebagai golongan muda yang berkualiti bukan sahaja dituntut dari segi kecerdasan intelektual semata-mata, akan tetapi turut perlu adanya kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual yang mantap serta mempunyai ketahanan yang padu, dalam pembinaan insan yang kamil dan masyarakat yang madani. Kekuatan jiwa dan minda generasi kini menjadi lambang keperluan wujudnya barisan rakyat negara yang berhati waja di masa hadapan. Kesenambungan usaha hasil daripada semangat legasi unggul tamadun Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal seantero dunia perlu difahami oleh belia. Kekuatan melalui kecerdasan emosi akan melahirkan masyarakat yang berpersonaliti dan berketrampilan dinamik dari segi komunikasi, penampilan, jiwa dan pemikiran. Kekuatan kita seharusnya bukanlah hanya bergantung kepada kelengkapan peralatan perang yang moden dan canggih serta bukan untuk disasarkan menjadi sebuah negara yang suka berperang, akan tetapi kekuatan kita adalah dari segi keilmuan, amalan positif dan perpaduan dalam masyarakat (Siti Sarawati, 2017).

Segala pakej yang berupaya negara miliki merangkumi kekuatan emosi, minda, fizikal dan material dalam kalangan rakyat, dengan berpahatkan prinsip dari rakyat untuk rakyat, adalah suatu bonus dalam meletakkan ketamadunan yang lebih unggul sepanjang zaman. Ini yang seharusnya wujud dalam negara apabila setiap individu dapat menyumbang bukan setakat tenaga dan masa, akan tetapi turut menyumbang kepakaran, keilmuan dan pengaruh nilai-nilai mulia sejagat yang dapat dicontohi dan jadi amalan sepanjang zaman. Berpaksikan kepada keyakinan dan kepercayaan kepada tuhan, disusuli kesetiaan kepada raja dan negara serta dimurnikan dengan kepatuhan kepada undang-undang daripada amalan adab dan etika sehari-harian, barisan belia mampu untuk menjadi pelapis yang mengemudikan legasi sebuah negara yang berdaulat. Segala kekuatan itulah sebenarnya yang menjadi benteng utama masyarakat dalam sebuah negara bermaruah yang gigih melalui tempoh transformasi yang gemilang dan terbilang, dengan membawa legasi masa lalu bagi mencipta tamadun di masa kini mahupun masa akan datang.

Penghargaan

Penulis-penulis artikel ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- [1] Dzuhailmi Dahalan (2019). Belia dan kematangan politik. *Portal Institut Pengajian Sains Sosial*. https://ipsas.upm.edu.my/article/belia_dan_kematangan_politik-55331
- [2] Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Book.
- [3] Goleman, D (1998). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- [4] Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali(2012a). Kriteria Pemilihan Calon dan Parti dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Jurnal Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 (4), 44-55.
- [5] Kamus Dewan (2002). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [6] Ma'rof Redzuan (2001). *Psikologi sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- [7] Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [8] Mayer, JD, & Salovey, P. (1993). *What is emotional intelligence?* In P. Salovey, & D. Sluyter (Eds.).
- [9] Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob. (2012). Kecerdasan spiritual dan cara gaya kepemimpinan dalam kalangan pemimpin remaja di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Volume. Jilid 7 ISSN 2180- 1649 Dec 2012.
- [10] Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Viknesh Ramachandran (2012). Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8 Issue 8 (1-11).
- [11] Nor Azlina Endut, Rohaini Amin & Rosfazila Abd. Rahman (2020). Kematangan politik dalam kalangan belia di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK5 2020)*. Bangi, Selangor.
- [12] Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English (2000). Oxford: Oxford University Press.
- [13] Saha LJ, Print M (2010). Student School Elections and Political Engagement: A Cradle of Democracy? *International Journal of Educational Research*, 49 (1), 22-32.
- [14] Salovey, P & Mayer, JD (1990). *Emotional Intelligence. Imagination, Cognition and Personality*. New York: Basic Books.
- [15] Siti Sarawati Johar (2011). *Kecerdasan Emosi Pelajar Luar Bandar: Harapan Dan Cabaran Pendidikan dalam Pembentukan Modal Insan* (dalam Modal Insan:Transformasi Menjana Kelestarian). Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

- [16] Siti Sarawati Johar (2012). Kecerdasan Emosi Belia Luar Bandar Serantau Malaysia Dan Indonesia: Cabaran & Harapan Dalam Pembentukan Modal Insan Berjiwa Kelas Pertama. *Prosiding Indonesia-Malaysia 6th Conference*. Julai 2012.
- [17] Siti Sarawati Johar (2016). Kecenderungan Bertingkah Laku Devian Sehingga ke Perlakuan Jenayah: Isu dan Cabaran dalam Psikologi Sosial. *Prosiding Persidangan Psikologi dalam Perkhidmatan Awam*. Oktober 2016.
- [18] Siti Sarawati Johar (2017). Eksplorasi Psikologi dalam Organisasi: Sisi Positi atau Negatif? Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- [19] Siti Sarawati Johar, Nesreen Awada Ibrahim & Khairunesa Isa (2020). Emotional intelligence impact on organizational normative commitment in public sector. *Journal of Critical Reviews*, 7(16), pp. 921–928.
- [20] Teh Fui Khim (2001). Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) dan Amalan Keibubapaan Ibu Terhadap EQ Belia. Master Thesis: Universiti Putra Malaysia.
- [21] The Oxford American Dictionary of Current English (1999). Oxford: Oxford University Press.
- [22] Tiedens, LZ (2001). Anger and advancement versus sadness and subjugation: The effect of negative emotion expressions on social status conferral. *Journal of Personality and Social Psychology*, 80(1), 86–94. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.80.1.86>